

NAMA : _____ KELAS: _____

ARAHAN: Pilih BETUL bagi pernyataan yang betul dan pilih SALAH bagi pernyataan yang salah tentang pahlawan tempatan.

	PERNYATAAN	JAWAPAN
1.	Dol Said menentang British kerana beliau berusaha mempertahankan kedaulatan Naning.	
2.	Kekalahan Dol Said dalam menentang British adalah disebabkan oleh sekutu Dol Said yang menolong British.	
3.	Rentap ialah pemimpin orang Iban di Sarikei, Sarawak.	
4.	Rentap menentang James Brooke kerana petempatan orang Iban di Nanga Skrang dihapuskan.	
5.	Penentangan Sharif Masahor adalah kerana James Brooke menguasai Sarikei dan menyebabkan beliau kehilangan hak dan kuasa sebagai pembesar di Sarikei.	

	PERNYATAAN	JAWAPAN
6.	Dato' Maharaja Lela menentang British kerana Residen British J.W.W Birch campur tangan dalam pentadbiran negeri dan adat resam orang Melayu.	
7.	Dato' Maharaja Lela telah ditangkap dan dijatuhi hukuman gantung kerana telah membunuh J.W.W Birch di Pasir Salak.	
8.	Yamtuan Antah menentang British kerana British telah campur tangan dalam urusan pentadbiran di Sungai Ujong.	
9.	Dato' Bahaman diberi kuasa dan hak memungut cukai dan kuasa sebagai pembesar oleh pihak British.	
10.	Mat Salleh menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) kerana tidak mengiktiraf kedudukan beliau sebagai pemerintah di Sandakan, Menggatal, Inanam dan Pulau Gaya.	

	PERNYATAAN	JAWAPAN
11.	Antenom menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) kerana mereka telah menjadikan kaum Murut sebagai buruh paksa untuk membina bangunan dan mengenakan cukai yang tidak membebaskan rakyat.	
12.	Tok Janggut telah menentang British di Kelantan kerana tidak bersetuju dengan pengenalan Sistem Penasihat British yang menimbulkan kesulitan kepada penduduk tempatan.	
13.	Tok Janggut telah menang dalam serangan British yang berkubu di Kampung Dalam Puh	
14.	Haji Abdul Rahman Limbong bersetuju apabila British memperkenalkan undang-undang baharu walaupun undang-undang berkenaan membebaskan dan memaksa penduduk tempatan membayar cukai.	
15.	Haji Abdul Rahman Limbong telah ditangkap dan dihukum buang negeri ke Thailand.	